

RHB BANK BERHAD
RHB WORLD MASTERCARD CREDIT CARD TERMS AND CONDITIONS
(EFFECTIVE 25 OCTOBER 2018)

The following terms and conditions shall govern the use of RHB World MasterCard Credit Card issued by RHB Bank Berhad which is binding to Cardmembers. The terms and conditions herein shall be read together with the RHB Card Agreement Terms and Conditions. Please ensure that you read and understand the terms and conditions herein and the RHB Card Agreement Terms and Conditions before accepting the same. You shall be deemed to have accepted the terms and conditions herein and the RHB Card Agreement Terms and Conditions and shall be bound by them by signing on or the use of your RHB World MasterCard Credit Card.

1. In this Agreement, the definition of terms shall be as set out below, except where the context otherwise requires:
 - 1.1. "Award" means the award of Cash Back to Cardmembers issued by RHB Bank Berhad ("RHB Bank") by the participating partners and/or RHB Bank;
 - 1.2. "Card" means RHB World MasterCard Credit Card issued by RHB Bank;
 - 1.3. "Cardmember" means the holder of the Card which shall include Supplementary Card(s);
 - 1.4. "Cash Back" means cash earned by the Cardmember in respect of selected MCC transactions charged to the Card;
 - 1.5. "Maximum Cash Back" means the maximum amount of cash that can be earned by the Cardmember within one Card billing cycle to another;
 - 1.6. "Tier" means the tier which corresponds with Monthly Total Spend as specified in Clause 3;
 - 1.7. "Participating Merchant" means the agreement between RHB Bank and the Partner Merchant in respect of the Cash Back Programme;
 - 1.8. "MCC" means Merchant Category Codes;
 - 1.9. "Monthly Total Spend" means the total amount (in RM) spent monthly by the Cardmember as reflected in the monthly statement of the Principal Cardmember which includes all retail spending.
 - 1.10. "Card Service Tax" means service tax payable on the provision of credit card services.
2. Under the Card, the Cardmember shall be eligible to participate in various reward programme offered by RHB Bank as per highlighted in this terms and conditions and as per informed by RHB Bank from time to time.
3. Subject to the terms herein, Cardmembers shall be eligible for Cash Back rewards pursuant to the following terms and conditions:-
 - 3.1. The Principal Cardmember is entitled to earn Cash Back on the selected MCC for purchases made with his/her Card and the Supplementary Cardmember's Card (if any) for purposes of personal consumption only, i.e. non-business and non-commercial related consumption only. RHB Bank reserves the right not to award Cash Back on the selected MCC purchases which RHB Bank deems to be purchases made for business and commercial purposes using the Card.
 - 3.2. The Cardmember's Monthly Total Spend will determine the Tier which the Principal Cardmember falls into. The applicable percentage of Cash Back to earn will be awarded on the selected categories as per table below.

3.3. Cash Back is calculated based on monthly total spend locally and overseas respectively.

Tier	Monthly Total Spend (RM)	Cash Back				Monthly Total Spend (RM)	Cash Back
		Travel	Petrol	Dining	Other		Overseas
1	1,000-2,499	1%	1%	1%	0.20%	1,000-2,499	0.50%
2	2,500-3,499	2%	2%	2%	0.20%	2,500-3,499	1%
3	3,500 & above	6%	6%	6%	0.20%	3,500 & above	2%
Max cap per category		30	30	30	Unlimited	Max cap	100

Note: The cut-off date for cash back calculation and crediting is based on one day before the statement cycle date. Anything after will be credited into next statement cycle.

3.4. The Cash Back is accumulated on a monthly basis and is based on the following selected MCC:

3.4.1. Travel MCC

3.4.1.1. For transactions of Travel made under the MCC of
 3351 – 3355, 3357, 3359 – 3362, 3364, 3366, 3368, 3370, 3374, 3376, 3380, 3381, 3385 – 3391, 3393 – 3396, 3398, 3400, 3405, 3409, 3412, 3420, 3421, 3423, 3425, 3427 – 3436, 3438, 3439, 3441
 4011, 4111, 4112, 4119, 4121, 4131, 4212, 4214, 4215, 4225, 4411, 4457, 4468,
 4511, 4582, 4722, 4723, 4784, 4789
 7512, 7513, 7519

3.4.1.2. For transactions of Airlines and Duty Free under the MCC of 3000-3299, 5309

3.4.1.3. For transactions of Hotels under the MCC of 3501-3999, 7011

3.4.2. Petrol MCC

3.4.2.1. For transactions of Petrol under the MCC of 5541, 5542, 5983

3.4.3. Dining MCC

3.4.3.1. For transactions of Dining under the MCC of 5811, 5812, 5814, 5841

3.4.4. Others

3.4.4.1. For other retail transactions

3.4.5. Overseas

3.4.5.1. For all overseas retail transactions

3.5. RHB Bank shall have the right at its discretion to modify and/or alter the Cash Back percentages and such modifications and alterations shall be effective on such date or dates as shall be determined by RHB Bank.

3.6. Both Principal and Supplementary Cardmember's Cash Back will be accumulated to a maximum limit of the respective MCC categories capping per Principal Card account per month.

3.7. Adjustments will be made to the Cash Back earned in the Cardmember's account if there are any credit(s) or debit(s) posted to a Cardmember's account, including those arising from returned goods or service, or from billing disputes. Any disputed transactions/ billing will not be accredited with Cash Back.

3.8. Additional Cash Back may be given from time to time on tactical campaigns.

3.9. Cash Back accumulated by Supplementary Cardmembers of Card will be credited into the Principal Cardmembers of Card. The total rewards accumulated by the Supplementary Cardmember will be reflected in the Principal Cardmembers monthly credit card billing statement.

- 3.10. Void or cancelled transactions are not entitled to Cash Back.
- 3.11. Cash Back awarded to Cardmember by RHB Bank is final.
Please refer to RHB Bank's website at www.rhbgroup.com for updates/further details on the MCC.
- 3.12. The assignment of Merchant Category for each merchant is subject to the classification by the respective acquiring banks and it is the responsibility of the particular acquiring bank to assign the correct Merchant Category. RHB Bank shall not be held responsible for any incorrect assignment of the Merchant Category that may result in non-posting of the Cash Back for the retail transactions at the eligible merchants. The Cardmember shall not be entitled to claim for any compensation against RHB Bank for such non-posting of the Cash Back due to incorrect assignment for the Merchant Category by the respective acquiring bank.
- 3.13. The Cash Back participating merchants are under the discretion of RHB Bank. RHB Bank has the right to add, reduce or cancel any participating merchants from the Cash Back Programme at any time with notice.
- 3.14. In determining the amount paid for the purchase of goods and/or services for purposes of calculation of Cash Back, Charity and Government transactions, Petrol for Overseas transactions, annual card membership fees, interest, late payment charges, Card Service Tax (CST) and/or any applicable taxes imposed from time to time, cash advances, and other fees and charges shall not be taken into account provided always that RHB Bank is entitled, in its discretion, at any time and from time to time with notice, to take into account any card transaction or charges or purchase in the calculation of Cash Back.
- 3.15 Effective 25 October 2018, all credit card retail spending or payments via JomPay and FPX is not entitle for cash back and rewards points.
4. Subject to the terms herein, Cardmember shall be eligible for preferred rate pursuant to the following terms and conditions:-
- 4.1. Cardmembers shall be eligible for a preferred rate at RHB Bureau-De-Change ("BdC") for major foreign currencies.
5. Subject to the terms herein, Cardmembers shall be eligible for RHB Bank car/motor insurance pursuant to the following terms and conditions:-
- 5.1. The application from Cardmember is subject to acceptance by RHB Insurance Bhd.
- 5.2. For any enquiries or car/motor insurance purchase or renewal, please contact RHB Insurance Bhd, Customer Relationship Centre (CRC) Department (during office hours) at Toll Free 1300-22-0007.
6. The various reward programmes is applicable to the Principal and Supplementary Cardmembers with active and good conduct of account, not blocked, cancelled or terminated by RHB Bank.
7. The various reward programme awarded are not redeemable for cash or credit and not transferable. The various reward programme awarded to Cardmember are not mutually exchangeable or transferable and cannot be used in substitution of each other for purposes of redemption.
8. Without prejudice to the generality of the foregoing clauses in these terms and conditions, if any one or more of the following shall occur:-
- 8.1. The Cardmember abuses the Programme in any manner whatsoever; or
- 8.2. The Cardmember commits any fraud or misrepresents any information supplied or to be supplied by the Cardmember; Then, RHB Bank shall be entitled to revoke all rights accorded to the Cardmember under the Card.
9. RHB Bank's decision is final and no correspondence disputing RHB Bank's decision will be entertained.
10. RHB Bank reserves the right provided RHB Bank has given notice of twenty one (21) calendar days to the Cardmember to add, delete, alter or amend any of these terms and conditions at any time

before the effective date. At the discretion of RHB Bank, notice of such additions or modifications or amendments may be effected by:-

- 10.1. Displaying the same at the premises of the Bank or its Branch offices or by mailing the aforesaid notice to the Cardmember; or
- 10.2. Sending notice of the same by Short Message Service ("SMS") or electronic mail to the Cardmember or by posting the notice of the same on RHB Bank's website.

Such changes will apply on the effective date specified by RHB Bank and will apply to all outstanding balances in the Visa/MasterCard Account. Retention or use of the Card after the effective date of any change of terms and conditions shall be deemed to constitute acceptance of such changes without reservation by the Cardmember.

11. RHB Bank shall not be responsible or liable to any Cardmember for any inconvenience, loss or damage or embarrassment incurred or suffered by Cardmember as a consequence of, but not limited to a) any malfunction, defect or error in any terminal, or other machines, or system of authorization, howsoever caused; or b) any rejection of Card or PIN by any terminal at the Partner Merchants' outlets or any failure to effect or complete any transaction howsoever caused; or c) any delay or inability on the part of RHB Bank to perform any of its obligations pursuant to this Agreement because of any electronic, mechanical, system, data processing or telecommunication defect or failure, or any event outside its control or the control of any of the Partner Merchants; or d) any delay, inability or refusal on the part of the Partner Merchant to perform any of their obligations pursuant to their Partner Merchant's agreement for any reason whatsoever.
12. The relevant terms and condition highlighted herein are correct and applicable at the time of printing. Please refer to RHB Bank website at www.rhbgroup.com for any future updates on the Card.

RHB BANK BERHAD
KAD KREDIT MASTERCARD RHB WORLD
TERMA DAN SYARAT (BERKUATKUASA PADA 25 OKTOBER 2018)

Terma dan Syarat yang berikut akan mengawal penggunaan Kad Kredit MasterCard RHB World yang dikeluarkan oleh RHB Bank Berhad ("RHB Bank") yang akan mengikat ke atas Ahli Kad. Terma dan Syarat yang terkandung di dalam dokumen ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Perjanjian Kad RHB. Sila pastikan yang anda telah membaca dan memahami Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam dokumen ini dan Terma dan Syarat Perjanjian Kad RHB sebelum menerima kedua-duanya. Anda dianggap telah menerima Terma dan Syarat yang terkandung di dalam dokumen ini dan Terma dan Syarat Perjanjian Kad RHB dan akan terikat dengannya apabila menandatangani atau menggunakan Kad Kredit MasterCard RHB World.

1. Dalam perjanjian ini, takrif ungkapan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan di bawah, melainkan jika konteksnya menghendaki yang sebaliknya:
 - 1.1. "Hadiah" bermaksud hadiah Pulangan Tunai kepada Ahli Kad yang dikeluarkan oleh RHB Bank Berhad ("RHB Bank") oleh rakan kongsi yang turut serta dan/atau RHB Bank;
 - 1.2. "Kad" bermaksud Kad Kredit MasterCard RHB World yang dikeluarkan oleh RHB Bank;
 - 1.3. "Ahli Kad" bermaksud pemegang kad yang termasuklah Kad Tambahan;
 - 1.4. "Pulangan Tunai" bermaksud wang tunai yang diperoleh oleh Ahli Kad berkaitan urusan niaga MCC terpilih yang dicajkan ke atas Kad;
 - 1.5. "Pulangan Tunai Maksimum" bermaksud amaun tunai maksimum yang boleh diperoleh oleh Ahli Kad dalam satu kitar pengebilan Kad kepada kitar pengebilan lain;
 - 1.6. "Tingkat" bermaksud tingkat yang sejajar dengan Jumlah Perbelanjaan Bulanan sebagaimana yang ditentukan dalam Klausa 3;
 - 1.7. "Peniaga yang Turut Serta" bermaksud perjanjian antara RHB Bank dengan Peniaga Rakan Kongsi berkaitan Program Pulangan Tunai;
 - 1.8. "KPP" bermaksud Kod Kategori Peniaga;
 - 1.9. "Jumlah Perbelanjaan Bulanan" bermaksud perbelanjaan bulanan oleh Ahli Kad sebagaimana yang digambarkan dalam penyata bulanan Ahli Kad Prinsipal yang termasuklah semua perbelanjaan runcit.
 - 1.10. "Cukai Perkhidmatan Kredit" bermaksud cukai perkhidmatan yang perlu dibayar ke atas peruntukan perkhidmatan kad kredit.
2. Ahli Kad adalah layak menyertai pelbagai program ganjaran yang ditawarkan melalui Kad oleh RHB Bank sebagaimana yang diserlahkan dalam Terma dan Syarat ini dan sebagaimana yang diberitahu oleh RHB Bank dari semasa ke semasa.
3. Tertakluk pada Terma dan Syarat yang terkandung di dalam dokumen ini, Ahli Kad layak mendapat hadiah Pulangan Tunai menurut Terma dan Syarat yang berikut:
 - 3.1. Ahli Kad Prinsipal berhak mendapat Pulangan Tunai bagi pembelian daripada KPP terpilih yang dibuat menggunakan Kad Ahli Prinsipal dan Kad Tambahan (jika ada) untuk tujuan penggunaan peribadi sahaja, iaitu berkaitan penggunaan yang bukan perniagaan dan bukan komersial sahaja. RHB Bank berhak untuk tidak menghadiahkan Pulangan Tunai ke atas pembelian daripada KPP terpilih yang dianggap oleh RHB Bank sebagai pembelian yang dibuat untuk tujuan perniagaan dan komersial menggunakan Kad.
 - 3.2. Jumlah Perbelanjaan Bulanan Ahli Kad akan menentukan kedudukan Tingkat Ahli Kad Prinsipal. Peratus yang dipakai bagi Pulangan Tunai untuk mendapat Pulangan Tunai akan diberikan kepada kategori terpilih sebagaimana ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

3.3. Pulangan Tunai dikira berdasarkan Jumlah Perbelanjaan Bulanan tempatan dan luar negara

Tingkat	Jumlah Perbelanjaan Bulanan (RM)	Pulangan Tunai				Jumlah Perbelanjaan Bulanan (RM)	Pulangan Tunai Luar Negara
		Perjalanan	Petrol	Makan Minum	Lain-lain		
1	1,000-2,499	1%	1%	1%	0.20%	1,000-2,499	0.50%
2	2,500-3,499	2%	2%	2%	0.20%	2,500-3,499	1%
3	3,500 & lebih	6%	6%	6%	0.20%	3,500 & lebih	2%
	Had	30	30	30	Tanpa Had	Had	100

Nota: Tarikh tutup untuk pengiraan pulangan tunai dan pengkreditan adalah berdasarkan satu hari sebelum tarikh kitaran penyata. Sebarang transaksi selepas tarikh tutup tersebut akan dikreditkan ke dalam kitaran penyata yang seterusnya

3.4. Pulangan Tunai dikumpulkan secara bulanan dan berdasarkan KPP terpilih yang berikut:

3.4.1. KPP Perjalanan

3.4.1.1 Bagi urus niaga untuk Perjalanan yang dibuat di bawah MCC

3351 – 3355, 3357, 3359 – 3362, 3364, 3366, 3368, 3370, 3374, 3376, 3380, 3381, 3385 – 3391, 3393 – 3396, 3398, 3400, 3405, 3409, 3412, 3420, 3421, 3423, 3425, 3427 – 3436, 3438, 3439, 3441, 4011, 4111, 4112, 4119, 4121, 4131, 4212, 4214, 4215, 4225, 4411, 4457, 4468, 4511, 4582, 4722, 4723, 4784, 4789, 7512, 7513, 7519.

3.4.1.2. Bagi urus niaga untuk Syarikat Penerbangan dan Bebas Cukai di bawah MCC 3000-3299, 5309.

3.4.1.3. Bagi urus niaga untuk Hotel di bawah MCC 3501-3999, 7011.

3.4.2. KPP Petrol

3.4.2.1. Bagi urus niaga untuk Petrol di bawah MCC 5541, 5542, 5983.

3.4.3. KPP Makan Minum

3.4.3.1. Bagi urus niaga untuk Makan Minum di bawah MCC 5811, 5812, 5814, 5841.

3.4.4. Lain-lain

3.4.4.1. Bagi urus niaga runcit yang lain.

3.4.5. Luar Negara

3.4.5.1. Bagi semua urus niaga runcit di luar negara.

3.5 RHB Bank berhak mengikut budi bicaranya untuk mengubah suai dan/atau mengubah peratus Pulangan Tunai dan ubahsuaian dan pindaan sedemikian akan berkuat kuasa pada tarikh sedemikian sebagaimana yang akan ditentukan oleh RHB Bank.

3.6 Kedua-dua Pulangan Tunai Ahli Kad Prinsipal dan Tambahan akan dikumpulkan ke had maksimum bagi had kategori KPP masing-masing bagi setiap akaun Kad Prinsipal setiap bulan.

3.7 Pelarasan akan dibuat terhadap Pulangan Tunai yang diperoleh dalam akaun Ahli Kad jika terdapat apa-apa kredit atau debit yang dimuatkan ke dalam akaun Ahli Kad, termasuk yang timbul daripada barangan atau perkhidmatan yang dikembalikan, atau daripada pertikaian pengebilan. Apa-apa urus niaga/pengebilan yang dipertikaikan tidak akan dihadiahkan dengan Pulangan Tunai.

- 3.8 Pulangan Tunai tambahan boleh diberikan dari semasa ke semasa untuk kempen taktikal.
- 3.9 Pulangan Tunai yang dikumpulkan oleh Ahli Kad Tambahan bagi Kad akan dikreditkan ke dalam Kad Ahli Kad Prinsipal. Jumlah hadiah yang dikumpulkan oleh Ahli Kad Tambahan akan ditunjukkan di dalam penyata pengebilan bulanan kad kredit Ahli Kad Prinsipal.
- 3.10 Urus niaga yang tidak sah atau dibatalkan tidak layak mendapat Pulangan Tunai.
- 3.11 Pulangan Tunai yang diberikan kepada Ahli Kad adalah muktamad.
Sila rujuk laman sesawang RHB di www.rhbgroup.com untuk butiran lanjut tentang senarai KPP.
- 3.12 Pemberian Kategori Peniaga kepada setiap peniaga tertakluk pada pengelasan oleh bank perolehan masing-masing dan menjadi tanggungjawab bank perolehan tertentu untuk memberikan Kategori Peniaga yang betul. RHB Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa pemberian Kategori Peniaga yang tidak betul yang boleh menyebabkan tiada pemberian Pulangan Tunai bagi urus niaga runcit di tempat peniaga yang layak. Ahli Kad tidak berhak menuntut apa-apa pampasan terhadap RHB Bank bagi Pulangan Tunai yang tidak dimuatkan disebabkan pemberian Kategori Peniaga yang tidak betul oleh bank perolehan masing-masing.
- 3.13 Peniaga yang turut serta dalam Pulangan Tunai adalah di bawah budi bicara RHB Bank. RHB Bank berhak menambah, mengurangkan atau membatalkan mana-mana peniaga yang turut serta daripada Program Pulangan Tunai pada bila-bila masa dengan pemberitahuan.
- 3.14 Dalam menentukan amaun yang dibayar bagi pembelian barangan dan/atau perkhidmatan untuk tujuan pengiraan Pulangan Tunai, , urus niaga amal dan kerajaan, urus niaga pembelian petrol di luar negara, yuran tahunan keahlian kad, faedah, caj pembayaran lewat, Cukai Perkhidmatan Kredit dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa, pendahuluan tunai, dan fi dan caj lain tidak akan diambil kira, dengan sentiasa menjadi syarat bahawa RHB Bank berhak, menurut budi bicaranya, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis, untuk mengambil kira apa-apa urus niaga kad atau caj atau pembelian dalam pengiraan Pulangan Tunai.
- 3.15 Berkuatkuasa pada 25 Oktober 2018, semua perbelanjaan atau pembayaran runcit kad kredit melalui JomPay dan FPX tidak layak untuk pulangan tunai dan mata ganjaran.
4. Tertakluk pada terma yang terkandung di dalam dokumen ini, Ahli Kad adalah layak mendapat kadar keutamaan menurut Terma dan Syarat yang berikut:
- 4.1. Ahli Kad adalah layak mendapat kadar keutamaan di RHB *Bureau-De-Change* ("BdC") bagi mata wang asing yang utama.
5. Tertakluk pada Terma dan Syarat yang terkandung di dalam dokumen ini, Ahli Kad adalah layak mendapat insurans kereta/motosikal RHB Bank menurut terma dan syarat yang berikut:
- 5.1. Permohonan daripada Ahli Kad tertakluk pada penerimaannya oleh RHB Insurance Bhd..
- 5.2. Bagi apa-apa pertanyaan tentang pembelian atau pembaharuan insuranskereta/motosikal, sila hubungi RHB InsuranceBhd., Jabatan Pusat Perhubungan Pelanggan (CRC) (semasa waktu pejabat) di talian bebas tol 1300-22-0007.
6. Program ganjaran yang pelbagai tersedia untuk Ahli Kad Prinsipal dan Tambahan yang aktif dan dengan keadaan akaun yang baik, tidak disekat, dibatalkan atau ditamatkan oleh RHB Bank.
7. Pelbagai program ganjaran yang diberikan tidak boleh ditebus untuk wang tunai atau kredit dan

tidak boleh dipindah milik. Pelbagai program ganjaran yang diberikan kepada Ahli Kad tidak boleh saling ditukarkan atau dipindah milik dan tidak boleh digantikan dengan yang lain untuk tujuan penebusan.

8. Tanpa menjejaskan keluasan makna dalam klausa yang disebutkan sebelum ini dalam Terma dan Syarat ini, jika mana-mana satu atau lebih daripada yang berikut akan berlaku:

- 8.1. Ahli Kad menyalahgunakan program dalam apa-apa cara sekalipun; atau

- 8.2. Ahli Kad melakukan apa-apa penipuan atau memberikan gambaran yang salah akan apa-apa maklumat yang dibekalkan atau hendak dibekalkan oleh Ahli Kad;

Maka, RHB Bank berhak membatalkan semua hak yang diberikan kepada Ahli Kad di bawah Kad ini.

9. Keputusan RHB Bank adalah muktamad dan tidak ada surat-menyurat yang mempertikaikan keputusan RHB Bank yang akan dilayan.

10. RHB Bank berhak dengan syarat RHB Bank telah memberikan notis dua puluh satu hari (21) kalendar kepada Ahli Kad untuk menambah, membuang, mengubah atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa sebelum tarikh kuat kuasa. Atas budi bicara RHB Bank, notis bagi tambahan atau ubahsuaian atau pindaan sedemikian boleh dilaksanakan dengan:

- 10.1. Memaparkan perkara yang sama di premis RHB Bank atau cawangannya atau dengan mengeposkan notis yang disebutkan sebelum ini kepada Ahli Kad; atau

- 10.2. Menghantar notis yang sama melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") atau mel elektronik kepada Ahli Kad atau dengan memuat naik notis yang sama ke laman sesawang RHB,;

Perubahan sedemikian akan terpakai pada tarikh kuat kuasa yang ditentukan oleh RHB Bank dan akan terpakai kepada semua baki yang masih belum dijelaskan dalam Akaun Visa atau MasterCard. Pengekalan atau penggunaan Kad selepas tarikh kuat kuasa apa-apa perubahan Terma dan Syarat akan dianggap menjadi penerimaan bagi perubahan sedemikian tanpa ragu-ragu oleh Ahli Kad.

11. RHB Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap mana-mana Ahli Kad bagi apa-apa kesukaran, kehilangan atau kerosakan atau dimalukan yang ditanggung atau dialami oleh Ahli Kad disebabkan tetapi tidak terhad kepada: a) apa-apa ketakfungsian, kerosakan atau kesilapan di mana-mana terminal, atau mesin lain, atau sistem pengesanan, walau bagaimana sekalipun terjadi; atau b) apa-apa penolakan Kad atau PIN oleh mana-mana terminal di kedai luar peniaga Rakan Kongsi atau apa-apa kegagalan untuk melaksanakan atau menyempurnakan apa-apa urusan niaga walau bagaimana sekalipun terjadi; atau c) apa-apa kelewatan atau ketidakupayaan di pihak RHB Bank untuk melaksanakan mana-mana obligasinya mengikut Perjanjian ini disebabkan apa-apa kerosakan atau kegagalan elektronik, mekanikal, sistem, pemprosesan data atau telekomunikasi, atau apa-apa kejadian di luar kawalan mana-mana Peniaga Rakan Kongsi; atau d) apa-apa kelewatan, ketidakupayaan atau keengganan mana-mana bahagian Peniaga Rakan Kongsi untuk melaksanakan mana-mana obligasi mereka menurut perjanjian Peniaga Rakan Kongsi atas apa-apa sebab sekalipun.

12. Terma dan Syarat relevan yang diserlahkan di dalam dokumen ini adalah betul dan terpakai pada masa cetakan. Sila rujuk laman sesawang RHB di www.rhbgroup.com bagi apa-apa pengemaskinian berkaitan Kad pada masa akan datang.